



KENYATAAN MEDIA

NATIONAL REVENUE RECOVERY ENFORCEMENT TEAM (NRRET)

Merujuk kepada beberapa kenyataan akhbar di media perdana dan media elektronik baru-baru ini mengenai *National Revenue Recovery Enforcement Team* (NRRET), pihak NRRET ingin menjelaskan mengenai perkara berikut :

- (1) NRRET bukanlah satu pasukan petugas khas baru yang ditubuhkan.
- (2) NRRET adalah merupakan nama baru kepada Pasukan Petugas Khas yang telah ditubuhkan sejak tahun 2011 untuk membantu kerajaan menangani isu-isu berikut :
 - (i) isu-isu berkaitan pelarian cukai individu dan korporat dan duti kastam;
 - (ii) isu-isu berkaitan aktiviti penyeludupan;
 - (iii) isu-isu berkaitan penyalahgunaan barangan bersubsidi;
 - (iv) isu-isu berkaitan pengaliran wang keluar secara haram; dan
 - (v) isu-isu berkaitan rasuah yang menyebabkan perkara-perkara di atas berlaku.
- (3) Keanggotaan NRRET adalah terdiri daripada:
 - Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - Bank Negara Malaysia (BNM);
 - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK); dan
 - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- (4) Peranan utama NRRET adalah untuk menyelaras dan mengkoordinasikan tindakan penguatkuasaan bersepadu pelbagai agensi dalam menangani isu-isu berkaitan di atas.
- (5) NRRET tidak pernah terlibat dengan mana-mana siasatan yang melibatkan 1MDB dan syarikat-syarikat berkaitan.

NATIONAL REVENUE RECOVERY ENFORCEMENT TEAM (NRRET)

Jabatan Peguam Negara

25 Ogos 2015

3.45 pm